

## **KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

### **PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 5 TAHUN 1976**

#### **PENGAMBILAN BALIK TANAH UNTUK TAPAK MASJID/SURAU**

Sebahagian kita sedia maklum bahawa di masa-masa yang akhir ini banyak masjid-masjid dan surau-surau telah didirikan di merata-rata Mukim dalam Negeri Kelantan ini sama ada dengan wang bantuan dari Kerajaan atau Majlis Ugama Islam Kelantan ataupun dari derma orang ramai.

2. Kebanyakan tanah-tanah untuk tapak masjid atau surau itu telah diserah dengan percuma atau wakaf oleh tuan-tuan tanah itu sendiri dengan sukarela. Dalam keadaan-keadaan yang tertentu ada juga tanah-tanah itu dibeli dengan harga pasaran yang dipersetujui oleh tuan tanah yang berkenaan dan ada juga terpaksa diambil balik kerana tuan tanah yang berkenaan telah meninggal dunia tetapi walau bagaimanapun dengan persetujuan waris-waris yang berhak menerima pesakanya.
  
3. Sungguhpun tanah-tanah miliki boleh diambil balik dengan paksa mengikut kuatkuasa Akta Pengambilan Balik Tanah Tahun 1960, tetapi telah diragu-ragukan bahawa dari segi Ugama Islam bolehlah tanah-tanah miliki itu diambil balik mengikut kuatkuasa Undang-undang untuk dijadikan tapak Masjid atau Surau dengan tidak diizin atau dipersetujui oleh tuan tanah atau waris-waris yang berhak menerima pesakanya, jika tuan tanah yang berdaftar telah mati.

4. Keraguan ini telah dirujuk kepada Majlis Ugama Islam Kelantan untuk mendapat petuanya dan baharu-baharu ini pihak Majlis Ugama Islam Kelantan telah memberi jawapan seperti berikut:-

“..... adalah saya dengan hormatnya memaklumkan bahawa tanah-tanah untuk tapak surau-masjid yang diwakafkan oleh tuannya sendiri atau dibeli kemudian diwakafkan oleh pembelinya untuk tujuan yang tersebut atau diwakafkan oleh penerima-penerima pesaka, maka tanah-tanah tersebut itu memanglah tidak berbangkit dari segi hukum. Adapun tanah yang diambil balik daripada pemiliknya dengan jalan paksa, maka pengambilannya itu adalah haram dari segi hukum, dan jika dijadikan juga tapak masjid maka amalan-amalan sembahyang dan lain -lain yang dikerjakan di atasnya tidak sempurna pahalanya.”

5. PHT adalah diminta mengambil ingatakn petua yang di atas, dan hendaklah sebelah-belahnya mengelakkan daripada mengambil balik tanah milik dengan jalan paksa untuk dijadikan tapak masjid atau surau. Tetapi walau bagaimanapun jika pengambilan balik itu diizinkan oleh tuan-tuan tanah atau waris-warisnya yang berhak menerima pesakanya, maka tindakan di bawah Akta Mengambil Balik Tanah Tahun 1960 bolehlah diteruskan.

t.t  
**(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)**  
Pengarah Tanah dan Galian  
Kelantan

**KEPADA:**

Semua PHT dan Penolong PHT Kelantan.

**SALINAN KEPADA:**

YB.Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.

YB.Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.

Semua Pegawai-pegawai Jajahan, Kelantan.

Juru Odit Kelantan.

Pegawai Tadbir, L.K.T.N Kelantan

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan.